

SAMSONITE GROUP S. A .

DASAR PEMATUHAN ANTIRASUAH GLOBAL

Pengenalan

Samsonite Group S.A. dan setiap divisyen, subsidiari, rakan usaha sama serta anggota gabungannya (secara kolektif, "Samsonite") komited untuk menjalankan semua aspek perniagaannya selari dengan piawaian perundangan dan etika yang tertinggi. Samsonite mengharapkan semua individu yang bertindak bagi pihaknya mendukung komitmen ini. Bagi membantu Samsonite mendukung komitmen ini dalam konteks isu yang berkaitan rasuah, Samsonite telah mereka dan melaksanakan Dasar Antirasuah Global ("Dasar" ini) yang berikut.

Dasar

Dasar Samsonite menyatakan bahawa semua Sekutu Samsonite (seperti yang ditakrifkan di bawah) mesti menjalankan aktiviti mereka dengan mematuhi semua undang-undang antirasuah yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Amalan Rasuah Asing A.S. ("FCPA"), Akta Sogokan UK dan sebarang undang-undang antirasuah lain yang berkuatkuasa di negara-negara di mana Sekutu Samsonite beroperasi. Kegagalan berbuat demikian boleh meletakkan kedua-dua reputasi dan kejayaan perniagaan Samsonite dalam bahaya serta mungkin mendatangkan liabiliti sivil dan jenayah kepada kedua-dua Samsonite serta individu yang terlibat. Mengelakkan pelanggaran memerlukan pengekaln tingkah laku beretika pada setiap masa. Dalam perkataan lain, anda mesti mengelakkan tingkah laku yang bermaksud meminta, menerima, memberi atau menawarkan apa-apa yang bernilai kepada atau daripada sesiapa bagi mengganjari pelaksanaan tugas rasmi yang tidak wajar atau bagi mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak adil. Halaman-halaman berikut ini menerangkan keperluan Samsonite bagi menjalankan perniagaan dengan cara yang patuh kepada semua undang-undang antirasuah, termasuk FCPA dan Akta Sogokan UK.

Kepada siapakah Dasar ini boleh dikenakan?

Dasar ini boleh dikenakan kepada semua pengarah, pegawai, pekerja, ejen, wakil dan anggota sekutu lain yang bertindak bagi pihak Samsonite (secara kolektif, "Sekutu Samsonite").

Apakah transaksi atau interaksi lain yang diliputi oleh Dasar ini?

Dasar ini diguna pakai untuk semua interaksi atau transaksi yang sama ada: a) melibatkan mana-mana pekerja, ejen atau instrumen mana-mana kerajaan, termasuk jabatan atau agensi mana-mana kerajaan, parti politik, calon pucuk pimpinan kerajaan, perniagaan yang dimiliki separa atau sepenuhnya oleh kerajaan dan mana-mana pekerja bagi perniagaan sedemikian (secara kolektif, "Pegawai Kerajaan"); atau (b) mempunyai kaitan dengan United Kingdom, termasuk Wilayah Luar Negeranya, termasuk tetapi tidak terhad kepada Kepulauan Cayman, Kepulauan Virgin British dan Bermuda ("U.K.").

Sila ambil perhatian bahawa, selain daripada keperluan-keperluan Dasar ini, Tatakelakuan Samsonite melarang Sekutu Samsonite menawarkan, meminta atau menerima sebarang rasuah, rebet haram atau wang sogokan, tanpa mengira sama ada perlakuan sedemikian melibatkan Pegawai Kerajaan atau mempunyai sebarang kaitan dengan Sekutu Samsonite UK dikehendaki mematuhi keperluan-keperluan Tatakelakuan serta Dasar ini.

Ke mana harus saya tuju untuk menanyakan soalan tentang penerapan Dasar ini?

Sekutu Samsonite yang mempunyai sebarang pertanyaan berhubung keperluan Dasar ini atau undang-undang yang berkenaan harus berunding dengan jabatan perundangan Samsonite di rantau mereka atau Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Apakah kewajipan saya di bawah Dasar ini?

Sekutu Samsonite tidak boleh meminta, menerima, membuat, menawarkan untuk membuat, atau berjanji untuk membuat bayaran, atau memberi apa-apa yang bernilai, secara langsung atau tidak langsung, kepada atau daripada mana-mana pihak ketiga termasuk tanpa had mana-mana Pegawai Kerajaan, untuk tujuan membantu Samsonite mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau menjamin kelebihan perniagaan yang tidak wajar.

Sekiranya berhadapan dengan permintaan atau tuntutan pembayaran tidak wajar atau perlakuan lain yang mungkin melanggar Dasar ini, permintaan atau tuntutan itu mestilah ditolak dengan segera dan dilaporkan kepada Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite dengan serta-merta. Ataupun, pekerja boleh melaporkan pelanggaran atau pelanggaran disyaki tanpa memberikan nama melalui Talian dan Laman Web Pelaporan Etika Perniagaan seperti yang diterangkan dalam Tatakelakuan Samsonite. Dasar ketat Samsonite menyatakan bahawa tiada tindakan balas yang memudaratkan akan dikenakan ke atas mana-mana kakitangan kerana melaporkan pelanggaran atau pelanggaran disyaki terhadap undang-undang antirasuah atau dasar ini, secara jujur.

Bagaimana Dasar ini dikenakan kepada hadiah, hospitaliti, hiburan dan item-item bernilai lain?

Dasar ini mengakui bahawa pengendalian perniagaan yang beradab sopan, terutama sekali di negara-negara tertentu, mungkin melibatkan Sekutu Samsonite memberi hadiah sederhana kepada rakan sejawat sebagai tanda budi bahasa atau adat setempat dalam perniagaan. Begitu juga halnya, hospitaliti atau hiburan mungkin digunakan untuk mengukuhkan hubungan perniagaan tanpa sebarang niat yang menyeleweng. Dengan itu, peraturan berikut dikenakan kepada hadiah, hospitaliti dan hiburan:

Hadiah

Hadiah yang diberikan oleh Sekutu Samsonite

Garis panduan umum tentang hadiah berikut dikenakan kepada semua interaksi atau transaksi dengan Pegawai Kerajaan, juga semua interaksi dan transaksi yang ada kaitan dengan U.K.:

- Hadiah yang berupa wang tunai atau yang setara dengannya adalah dilarang.
- Hadiah mestilah berpatutan nilainya.
- Hadiah mestilah dibenarkan oleh undang-undang tempatan.

- Hadiah mestilah, sepanjang pengetahuan anda, dibenarkan oleh garis panduan atau dasar (jika ada) majikan penerima.
- Hadiah mestilah disampaikan secara terbuka dan telus sepenuhnya.

- Hadiah mestilah diberikan sebagai tanda hormat, budi bahasa atau sebagai balasan hospitaliti dan harus selari dengan adat setempat.

Hadiah yang diterima oleh Sekutu Samsonite

Semua hadiah yang melebihi A.S. \$250 nilainya (atau setara dalam mata wang tempatan) daripada mana-mana pihak yang melakukan perniagaan atau bersaing dengan Samsonite, mesti dilaporkan kepada penyelia langsung anda, juga kepada jabatan perundangan di rantau anda atau Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Hospitaliti dan Hiburan

Batasan tentang memberi hadiah di atas tidak menghalang Sekutu Samsonite daripada melibatkan diri dalam “hiburan perniagaan yang biasa dan lazim” apabila individu Samsonite menganjurkan jamuan makan, acara sukan, persembahan teater atau acara hiburan yang munasabah untuk klien, prospek atau sekutu perniagaan lain. Individu Samsonite yang menganjurkan acara mestilah hadir pada acara tersebut. Begitu juga, batasan tentang memberi hadiah di atas tidak menghalang Sekutu Samsonite daripada menerima “hiburan perniagaan yang biasa dan lazim”. Dalam semua kes, hiburan tidak boleh terlalu kerap atau mewah dan meluas sehingga menimbulkan persoalan kewajarannya.

Garis panduan umum tentang memberi hospitaliti dan hiburan.

- Semua perbelanjaan hiburan perniagaan mestilah berpatutan nilainya. Ini termasuk kedua-dua perbelanjaan individu dan serangkaian perbelanjaan yang dibayar bagi pihak seorang pegawai atau sebuah entiti. Hiburan perniagaan mestilah tidak mewah atau tidak sesuai untuk acaranya.
- Perbelanjaan hiburan perniagaan mestilah dibenarkan oleh undang-undang tempatan.
- Perbelanjaan hiburan perniagaan mestilah, sepanjang pengetahuan anda, dibenarkan oleh garis panduan atau dasar (jika ada) majikan penerima.
- Perbelanjaan hiburan perniagaan mestilah mematuhi adat dan amalan tempatan.
- Jika boleh, bayaran untuk hiburan perniagaan hendaklah dibuat terus oleh Samsonite kepada pembekal perkhidmatan, dan tidak boleh dibayar melalui atau dibayar terus kepada Pegawai Kerajaan, sebagai contoh, sebagai bayaran balik.
- Perbelanjaan hiburan perniagaan mestilah dielak daripada tampak tidak wajar.
- Hospitaliti atau hiburan berkaitan perniagaan yang berlaku apabila Sekutu Samsonite tidak hadir dan waktu di mana Samsonite membayar perbelanjaan berkaitan perjalanan Pegawai Kerajaan, akan dianggap “hadiah”, dan tertakluk kepada peraturan dan keperluan hadiah yang dinyatakan dalam Dasar ini.

Garis panduan umum tentang memberi atau menerima hiburan yang digabungkan dengan perjalanan

Tanpa membataskan seksyen sebelum ini, persetujuan awal mesti diperoleh daripada penyelia langsung apabila Sekutu Samsonite berhasrat untuk menerima, atau membuat tawaran hiburan yang melibatkan perjalanan di luar kawasan metropolitan di mana pekerja (atau penerima) bekerja dan mempunyai nilai yang melebihi A.S. \$1,000 atau nilai yang setara dalam mata wang tempatan.

Garis panduan umum tentang hiburan Pegawai Kerajaan

Tertakluk kepada garis panduan umum, sebelum memberikan hospitaliti, hiburan atau perjalanan dan penginapan kepada Pegawai Kerajaan, semua Sekutu Samsonite mesti berunding dengan jabatan perundangan di rantau mereka atau dengan Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Sampel Produk

Garis panduan umum tentang memberi sampel kepada Pegawai Kerajaan atau Pelanggan Kerajaan

Samsonite mengilangkan dan menjual pelbagai produk yang bernilai dalam seting komersial. Dari semasa ke semasa, Samsonite mungkin menghasilkan sampel produk untuk pertimbangan atau penilaian oleh bakal pelanggan atau untuk tujuan lain. Apabila sampel diminta oleh, atau diberikan kepada, agensi kerajaan asing atau Pegawai Kerajaan, Sekutu Samsonite dan mana-mana Pihak Ketiga (seperti yang ditakrifkan di bawah) yang diupah oleh Samsonite mesti bersikap berhati-hati. Sampel tidak boleh diberikan terus kepada Pegawai Kerajaan untuk kegunaan peribadi mereka. Mana-mana produk Samsonite yang diberikan kepada Pegawai Kerajaan untuk kegunaan peribadi mereka harus dianggap sebagai hadiah, dan pemberian sebarang hadiah sedemikian mestilah mematuhi peruntukan Dasar ini yang boleh dikenakan kepada hadiah. Sampel hanya boleh diberikan kepada Pegawai Kerajaan di mana setiap garis panduan berikut dipenuhi:

- memberikan sampel sedemikian mestilah merupakan amalan perniagaan yang biasa bagi Samsonite.
- memberikan sampel sedemikian adalah perlu bagi membolehkan Pegawai Kerajaan menilai sama ada hendak membeli produk yang berkenaan daripada Samsonite, ataupun perlu bagi membolehkan Pegawai Kerajaan menjalankan tugas rasmi beliau (contohnya, bagi membantu pegawai kastam atau pegawai penguat kuasa undang-undang mengenal pasti mana produk Samsonite yang tulen dan mana yang tiruan).
- sampel diberikan kepada entiti (perniagaan berkaitan kerajaan atau agensi kerajaan), bukan kepada mana-mana individu atau Pegawai Kerajaan untuk kegunaan peribadi mereka.
- memberikan sampel itu mestilah dibenarkan di bawah undang-undang tempatan yang berkenaan.
- penguntukan sampel mestilah direkodkan di dalam buku dan rekod Syarikat dengan tepat dan sebenar-benarnya.

Latihan Industri/Pekerjaan

Kadangkala, Syarikat mungkin mendapati saudara-mara pelanggan Pegawai Kerajaan mencari

peluang latihan industri atau pekerjaan di Samsonite.

Dasar Samsonite ialah: (1) Sekutu Samsonite tidak boleh menawarkan latihan industri atau pekerjaan kepada saudara pelanggan atau Pegawai Kerajaan untuk tujuan mempengaruhi sebarang tindakan oleh pelanggan atau Pegawai Kerajaan tersebut; (2) sekiranya Sekutu Samsonite menerima permintaan daripada pelanggan atau Pegawai Kerajaan untuk mengambil saudara pelanggan atau Pegawai Kerajaan tersebut, Sekutu Samsonite yang menerima permintaan itu mestilah menghubungi jabatan perundangan di rantau mereka atau Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite dengan segera bagi mendapatkan nasihat; (3) sekiranya dalam keadaan yang biasa, didapati bahawa calon yang sedang dipertimbangkan untuk latihan industri atau pekerjaan itu ialah saudara pelanggan atau Pegawai Kerajaan, jabatan perundangan rantau atau Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite mestilah dimaklumkan tentang hubungan antara keluarga calon (atau entiti di mana ahli keluarga bekerja atau menjadi anggota gabungan) dan Samsonite; dan (4) jika didapati bahawa calon latihan industri atau pekerjaan itu ialah saudara pelanggan atau Pegawai Kerajaan dan calon itu sedang dinilai di luar prosedur biasa untuk mengisi jawatan, sebarang latihan industri atau pekerjaan yang ditawarkan mestilah diluluskan terlebih dahulu oleh jabatan perundangan rantau atau Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Sumbangan Amal

Pihak penguatkuasa undang-undang telah menetapkan bahawa dalam sesetengah keadaan, menderma kepada badan amal yang ada kaitan dengan, atau dikenalpasti oleh Pegawai Kerajaan mendatangkan faedah kepada individu tersebut untuk tujuan undang-undang antirasuah. Oleh yang demikian, derma yang dibuat kepada organisasi di mana Pegawai Kerajaan atau mana-mana individu atau entiti mempunyai kuasa untuk membuat keputusan atau mempengaruhi aktiviti komersial syarikat mempunyai peranan penting (sebagai contoh, sebagai ahli lembaga pengarah atau pemegang amanah), atau dibuat atas perintah individu sedemikian, boleh menimbulkan isu di bawah undang-undang antirasuah dan Dasar ini. Namun, adanya penglibatan Pegawai Kerajaan semata-mata tidak semestinya bermaksud derma tidak boleh diberikan. Ia bermaksud bahawa semakan pematuhan dan perundangan yang sewajarnya serta kelulusan mestilah diperolehi terlebih dahulu.

Sumbangan amal yang dibuat oleh Samsonite atau pekerjanya kepada organisasi amal yang mempunyai tajaan yang besar atau diketahui umum oleh Pegawai Kerajaan atau mana-mana individu atau entiti yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan atau mempengaruhi aktiviti komersial Samsonite mestilah diluluskan terlebih dahulu oleh jabatan perundangan rantau atau Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Derma amal hanya akan diluluskan untuk sebab-sebab dermawan yang sah seperti demi kepentingan kemanusiaan dan bagi menyokong institusi kebudayaan atau pendidikan. Mungkin tidak salah untuk menderma dengan harapan agar Samsonite dipandang mulia dalam masyarakat. Namun, sumbangan amal tidak akan dibenarkan, tanpa mengira jumlah dermawannya, jika tujuan derma itu adalah untuk mempengaruhi keputusan dengan cara yang salah.

Sumbangan Politik

Dasar Samsonite berhubung sumbangan politik digariskan dalam Tatakelakuan Samsonite.

Usaha Wajar untuk Perunding dan Pihak Ketiga Lain

Komitmen Samsonite kepada pematuhan terhadap undang-undang antirasuah menjangkau kepada aktiviti-aktiviti ejen, perunding dan wakil Samsonite serta individu lain yang berkaitan (secara kolektif, "Pihak Ketiga") apabila Pihak Ketiga sedemikian, bagi pihak Samsonite, berinteraksi dengan atau terlibat dalam transaksi dengan Pegawai Kerajaan, atau terlibat dalam interaksi atau transaksi yang ada kaitan dengan U.K. Sekutu Samsonite harus berhati-hati bagi mengelakkan sebarang situasi yang melibatkan

Pihak Ketiga yang mungkin membawa kepada pelanggaran Dasar ini atau sebarang undang-undang antirasuah yang berkenaan. Memandangkan tindakan ejen yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar boleh mendatangkan akibat yang serius dan menjejaskan kepada Samsonite dan pekerjanya, kita mengkehendaki Pihak Ketiga kita mematuhi prinsip-prinsip dalam Dasar ini serta semua undang-undang yang berkenaan.

Oleh sebab Samsonite berurusan dengan pelbagai Pihak Ketiga, Syarikat mengguna pakai pendekatan berasaskan risiko kepada tahap usaha wajar dan penilaian yang diperlukan sebelum mengupah Pihak Ketiga. Sila hubungi jabatan perundangan di rantau anda atau Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite untuk bertanyakan sebarang pertanyaan berhubung menjalankan usaha wajar terhadap Pihak Ketiga.

Usaha wajar berkaitan antirasuah diperlukan untuk kategori hubungan Pihak Ketiga yang berikut:

- Semua kontrak dengan pembekal perkhidmatan pihak ketiga di mana sebahagian besar perkhidmatan yang akan dibekalkan memerlukan interaksi dengan, ataupun secara terus berkait dengan, agensi atau pegawai kerajaan (cth., broker kastam, perunding cukai (selain daripada pembekal perkhidmatan antarabangsang yang terkemuka), perunding berhubung hal mendapatkan subsidi kerajaan, dll.).
- Semua kontrak dengan wakil atau pengedar jualan yang berkemungkinan untuk menjalankan hubungan jualan dengan agensi atau pegawai kerajaan.
- Semua rakan usaha sama baharu.

Usaha wajar berkaitan antirasuah pada umumnya tidak diperlukan untuk kategori hubungan pihak ketiga yang berikut:

- Kontrak dengan pembekal perkhidmatan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa (firma guaman, firma perakaunan, firma perunding, bank pelaburan, dll.).
- Kontrak dengan wakil atau pengedar jualan yang tidak dijangkakan untuk melakukan perniagaan yang besar dengan pegawai atau agensi kerajaan – iaitu, pihak-pihak yang akan membeli dan menjual, atau sekadar menjual, produk Samsonite.

Apabila kita menilai risiko rasuah, apakah antara “Bendera Merah” yang mengisyaratkan kemungkinan rasuah?

“Bendera Merah” ialah tindakan atau fakta tertentu yang harus memberi amaran kepada Sekutu Samsonite bahawa terdapat kemungkinan yang lebih tinggi bahawa Dasar ini mungkin akan dilanggar. Setiap situasi mesti dinilai secara berasingan bagi menentukan sama ada sebarang Bendera Merah wujud atau tidak. Bendera Merah tidak bermaksud bahawa sesuatu yang menyalahi undang-undang sudah berlaku. Ia lebih bertindak sebagai isyarat yang menandakan bahawa siasatan lanjut diperlukan. Semua Sekutu Samsonite harus sentiasa peka terhadap isyarat

ini dan membawa sebarang kebimbangan kepada perhatian jabatan perundangan rantau atau Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite. Contoh Bendera Merah termasuk:

- tuduhan amalan perniagaan yang tidak wajar dilakukan oleh Sekutu Samsonite;

- hubungan kekeluargaan atau hubungan lain antara mana-mana Sekutu Samsonite dan Pegawai Kerajaan yang boleh mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh Pegawai Kerajaan itu;
- Pihak Ketiga yang ada kaitan dengan, atau disyorkan oleh, Pegawai Kerajaan;
- Pegawai Kerajaan atau wakilnya meminta pihak tertentu dikekalkan atau mencadangkan bahawa pengkelan sedemikian akan memudahkan urusan mendapatkan perniagaan;
- permintaan oleh Pegawai Kerajaan atau pelanggan agar rakan/keluarga mereka diberikan peluang latihan industri atau pekerjaan;
- negara yang terlibat mempunyai reputasi yang buruk berhubung rasuah dan sogokan;
- Pihak Ketiga meminta dibayar secara tunai atau di negara yang lain;
- invois tidak didokumenkan dengan betul atau jumlah atau kuantitinya jauh lebih besar daripada biasa;
- Pihak Ketiga pernah disabitkan bersalah atau didakwa melanggar undang-undang tempatan;
- sikap perunding yang berkeras mahukan bayaran komisen sebelum pengumuman kontrak atau keputusan dibuat;
- bayaran untuk perkhidmatan yang tidak dinyatakan ataupun perkhidmatan yang boleh dipersoalkan;
- komisen, fi atau bonus yang tidak berkadaran dengan nilai perkhidmatan yang diberikan (cth., "fi kejayaan");
- permintaan hiburan, hadiah atau perjalanan yang mewah berhubung rundingan;
- Pihak Ketiga enggan bersetuju untuk berpegang teguh pada undang-undang yang berkenaan atau Dasar ini; atau
- kenyataan daripada Pihak Ketiga yang berbunyi seperti "saya tiada pengalaman dalam industri anda, tetapi saya kenal mereka yang boleh membantu".

Apakah penalti kerana melanggar Dasar ini?

Selain daripada menjejaskan reputasi perniagaan Samsonite, pelanggaran undang-undang antirasuah boleh mendatangkan penalti jenayah dan sivil yang besar kepada Samsonite dan juga Sekutu Samsonite. Selain daripada penalti tersebut, pelanggaran Dasar ini mungkin menyebabkan tindakan tatatertib oleh Samsonite, termasuk teguran, penggantungan atau penamatan perkhidmatan. Samsonite juga mungkin melaporkan pelanggaran Dasar ini kepada pihak berkuasa penyeliaan, peraturan atau penguat kuasa undang-undang.

Apakah keperluan penyimpanan rekod di bawah Dasar ini?

Pekerja Samsonite mesti mengikut piawaian, prinsip, undang-undang dan amalan untuk perakaunan serta pelaporan kewangan. Terutamanya, Sekutu Samsonite harus memastikan bahawa tiada bahagian mana-mana bayaran akan dibuat untuk sebarang tujuan selain daripada yang akan diterangkan sepenuhnya dan dengan tepat di dalam buku dan rekod Samsonite. Tiada akaun yang tidak didedahkan atau direkodkan boleh diwujudkan untuk apa jua tujuan. Masukan yang palsu atau tiruan tidak boleh dibuat di dalam buku dan rekod Samsonite atas apa jua sebab. Sekutu Samsonite mesti memastikan bahawa semua laporan dan rekod yang diperlukan oleh pihak pengurusan disiapkan tepat pada masanya dan lengkap. Akhir sekali, wang peribadi tidak boleh digunakan bagi mencapai apa yang dilarang oleh Dasar ini.

Apakah jenis dokumentasi, perakuan dan latihan yang tertakluk di bawah Dasar ini?

Samsonite akan memberikan peringatan berkala kepada semua Sekutu Samsonite bagi mengingatkan mereka tentang kewajipan mereka di bawah Dasar ini dan, jika berkenaan, memaklumkan Sekutu Samsonite tentang sebarang kemas kini kepada Dasar ini. Oleh sebab Dasar ini membentuk sebahagian daripada Tatakelakuan Samsonite, semua Sekutu Samsonite akan dikehendaki memperakui pematuhan mereka terhadap Dasar ini di dalam borang perakuan yang perlu mereka serahkan berhubung Tatakelakuan. Selain itu, Samsonite mungkin memerlukan sesetengah Sekutu Samsonite untuk memperakui pematuhan berkala terhadap Dasar ini, dan dari semasa ke semasa sesetengah Sekutu Samsonite mungkin dikehendaki menjalani latihan lanjut berhubung keperluan Dasar ini.

Akhir sekali, keperluan FCPA dan Akta Sogokan U.K. diterangkan dalam Lampiran Dasar ini. Lampiran adalah bahagian penting Dasar ini dan semua Sekutu Samsonite mesti membaca dan memahami Lampiran. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada jabatan perundangan rantau anda atau Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Lampiran

1. Keperluan Asas FCPA

1.1 Peruntukan

FCPA dibahagikan kepada dua seksyen utama - Peruntukan Antirasuah dan Peruntukan Penyimpanan Rekod.

1.1.1 Peruntukan Antirasuah

Peruntukan Antirasuah FCPA mengharamkan kita memberi, menawarkan atau berjanji untuk memberi apa-apa yang bernilai kepada pegawai asing untuk tujuan mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau menjamin kelebihan yang tidak wajar. Kedua-dua FCPA dan Dasar ini mengkehendaki terma ini ditafsirkan secara kasar. Walaupun terdapat begitu banyak senario yang boleh mendatangkan risiko aktiviti yang tidak wajar, contoh yang biasa termasuk senario seperti merundingkan kontrak yang berpotensi dengan, atau pelaburan oleh, kerajaan atau entiti kerajaan asing, atau mendapatkan kebenaran daripada pegawai kerajaan bagi menjalankan aktiviti perniagaan di negara asing, termasuk pembelian atau pelupusan kepentingan pemilikan dalam syarikat asing. Terdapat keadaan yang terhad di mana bayaran boleh dibuat kepada pegawai asing dengan cara yang mematuhi FCPA. Keadaan sedemikian melibatkan “bayaran pemudahan”, yang merupakan bayaran yang secara relatif kecil dan dibuat bagi memudahkan atau mempercepatkan tindakan rutin kerajaan. Sebelum menyimpulkan bahawa bayaran itu dibenarkan kerana ia adalah bayaran pemudahan, sila berunding dengan jabatan perundangan di rantau anda atau Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Selain daripada melarang pembayaran terus yang tidak wajar kepada pegawai asing, kedua-dua FCPA dan Dasar ini melarang bayaran yang dibuat kepada pihak ketiga dengan pengetahuan bahawa wang atau produk itu akan disampaikan kepada pegawai asing untuk tujuan yang tidak wajar. Untuk tujuan Dasar ini, istilah “bayaran” termasuk sebarang hadiah, tawaran atau janji untuk memberi, menawarkan atau berjanji untuk memberi apa-apa yang bernilai kepada pegawai asing untuk tujuan mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau menjamin kelebihan yang tidak wajar.

Disebabkan oleh batasan yang ketat ke atas pembayaran kepada pegawai asing yang dikenakan oleh FCPA, adalah menjadi dasar Samsonite bahawa Sekutu Samsonite tidak boleh memberi, menawarkan atau berjanji untuk memberi apa-apa yang bernilai kepada mana-mana pegawai asing kecuali seperti yang digariskan dalam Dasar ini.

1.1.2 Peruntukan Penyimpanan Rekod

Peruntukan penyimpanannya rekod FCPA mengkehendaki syarikat mengekalkan rekod kewangan yang tepat yang mencerminkan semua transaksi dan pelupusan aset dengan terperinci. Peruntukan penyimpanan rekod FCPA direka bagi memastikan bahawa semua bayaran digambarkan dengan tepat dalam rekod kewangan dan bahawa semua bayaran telah diizinkan dengan cara yang betul. Dengan itu, FCPA melarang tindakan salah gambar atau mencirikan sebarang transaksi dalam rekod kewangan, juga kegagalan untuk mengekalkan kawalan terhadap rekod kewangan sehinggakan terjadinya penyalahgambaran atau pencirikan butiran. Memastikan penerangan bayaran yang terperinci dan tepat adalah amat penting bagi komponen Akta ini.

Walaupun Samsonite secara teknikalnya tidak tertakluk kepada peruntukan penyimpanan rekod FCPA, Samsonite komited untuk berpegang teguh kepada piawaian ini secara sukarela.

2. Keperluan Asas Akta Sogokan UK

2.1 Peruntukan

Akta Sogokan UK menjenayahkan empat kesalahan berasingan:

- menawarkan, menjanjikan atau memberi “kelebihan kewangan atau lain-lain” kepada mana-mana individu dengan niat untuk memujuk atau mengganjari pelaksanaan fungsi atau aktiviti yang berkaitan secara tidak wajar;
- meminta, bersetuju untuk terima atau menerima “kelebihan kewangan atau lain-lain” berniat bahawa fungsi atau aktiviti yang berkaitan dilaksanakan secara tidak wajar;
- menawarkan, menjanjikan atau memberi “kelebihan kewangan atau lain-lain”, secara langsung atau tidak langsung, kepada “pegawai awam asing” dengan niat untuk mendapatkan perniagaan atau kelebihan dalam pengendalian perniagaan;
- gagal mencegah “individu berkaitan” daripada memberi rasuah dengan niat untuk mendapatkan perniagaan atau kelebihan perniagaan untuk organisasi komersial.

Seperti yang disebut sebelum ini, perlakuan yang dilarang di bawah Akta Rasuah UK adalah sama dengan apa yang dilarang di bawah FCPA, tetapi ia lebih meluas berbanding FCPA dalam tiga aspek. Pertama, dan yang paling signifikan, Akta ini mengenakan kesalahan jenayah liabiliti ketat baharu yang boleh dikenakan kepada mana-mana syarikat yang ada ikatan dengan UK yang gagal mencegah “individu berkaitan” (sesiapa yang melaksanakan perkhidmatan bagi pihak syarikat) daripada memberi rasuah. Satu-satunya pertahanan daripada liabiliti ialah jika syarikat boleh membuktikan bahawa ia mempunyai “prosedur yang memadai” yang ditetapkan bagi mencegah rasuah daripada berlaku. Kedua, Akta ini tidak mengandungi sebarang pengecualian untuk “bayaran pemudahan”, bayaran yang secara relatif kecil dan dibuat bagi memudahkan atau mempercepatkan tindakan rutin kerajaan. Ketiga, Akta ini menjenayahkan rasuah “komersial semata-mata” yang tidak bersangkut-paut dengan mana-mana pegawai awam atau kerajaan, tidak seperti FCPA. Ini bermaksud pemberian rasuah kepada semua individu adalah dilarang.

Diluluskan oleh Lembaga Pengarah Samsonite Group S.A. pada 19 September, 2013